



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **MALAYSIA LANCAR SATELIT MEASAT-3d, RAKYAT BERPELUANG NIKMATI KEMUDAHAN INTERNET LEBIH BAIK**

Malaysia beraspirasi untuk menjadi sebuah negara berteknologi tinggi dan ini terbukti dengan pelancaran tujuh buah satelit sejak satelit pertama MEASAT 1 dilancarkan pada tahun 1996 yang merangkumi satelit komunikasi yang menawarkan perkhidmatan penyiaran dan telekomunikasi, satelit penderiaan jauh serta aplikasi satelit-satelit lain melibatkan sektor penyelidikan dan pembangunan industri teknologi angkasa.

Pada tahun ini, satelit MEASAT-3d merupakan satelit kelapan yang akan dilancarkan bertujuan meningkatkan perkhidmatan perhubungan kepada Malaysia dan negara-negara serantau. Malaysia melalui syarikat MEASAT bakal melancarkan MEASAT-3d pada tarikh bersejarah 22 Jun 2022, pukul 6.03 petang (23 Jun 2022, pukul 5.03 pagi waktu Malaysia) di French Guiana, Amerika Selatan. Dengan pelancaran satelit ini, beberapa perkhidmatan baharu melalui satelit berkenaan dijangka dapat ditawarkan seawal Ogos 2022.

Satelit MEASAT-3d merupakan jenis *Geostationary Equatorial Orbit* atau GEO. Ia mempunyai tapak liputan yang luas dan berkemampuan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang pantas dan menyokong aliran tinggi data, dikenali sebagai *High Throughput Satellite* (HTS). HTS adalah antara perkhidmatan penting dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar tinggi terutamanya di kawasan pedalaman. Internet kelajuan tinggi akan ditambah baik daripada kelajuan muat turun 30 Mbps pada masa ini kepada 100 Mbps, yang membolehkan penstriman kandungan tinggi data seperti video 4K/8K.

Melalui pelancaran satelit baharu ini juga, Malaysia akan dapat memperkukuhkan lagi kehadirannya dalam era digital berteraskan kepada teknologi talian tetap, mudah alih dan satelit tanpa meminggirkan mana-mana kelompok rakyat di negara ini. Selain daripada itu, penyedia perkhidmatan telekomunikasi lain juga boleh menggunakan satelit ini untuk menawarkan perkhidmatan data, suara dan video kepada 3 hingga 5 peratus populasi yang belum lagi diliputi oleh sambungan fiber atau jalur lebar tanpa wayar, seperti yang ditawarkan oleh MEASAT melalui perkhidmatan jalur lebar satelit CONNECTme NOW.

Selaras dengan inisiatif Kerajaan melalui pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), MEASAT-3d dapat merapatkan jurang ketersambungan digital dan membentuk masa depan ketersambungan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia, dengan mengembangkan liputan Internet berkelajuan tinggi di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai sambungan, supaya mencapai 100 peratus kesalinghubungan Internet sekali gus membolehkan rakyat menikmati kemudahan Internet dengan lebih baik. Dengan akses Internet yang stabil dan pantas, Keluarga Malaysia boleh memperoleh pelbagai manfaat sosioekonomi seperti penyertaan dalam aktiviti e-Dagang dan pembelajaran digital.

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

21 Jun 2022